

Bunga ganja bernilai RM98j dirampas

Dalam empat operasi berasingan di Lembah Klang dan KLIA

PUTRAJAYA



Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan empat cubaan menyeludup dadah jenis bunga ganja seberat lebih 1,000 kilogram (kg) bernilai kira-kira RM98 juta dalam operasi berasingan di sekitar Lembah Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 baru-baru ini.

Pengarah Kastam KLIA, Zulkifli Muhammad berkata, kejayaan itu hasil indakan pantas Bahagian Penguatkuasaan JKDM dengan kerjasama beberapa agensi keselamatan lain termasuk Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan AKPS).

Bellau berkata, lima lelaki tempatan ditahan bagi membantu siasatan mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952.

“Empat kes ini memabitkan cubaan menyeludup keluar dadah jenis bunga

JKDM menumpaskan empat cubaan menyeludup dadah jenis bunga ganja seberat lebih 1,000kg dalam operasi di sekitar Lembah Klang dan KLIA baru-baru ini.

ganja ke luar negara khususnya ke pasaran Eropah menggunakan pelbagai taktik termasuk penyamaran sebagai barangan dagangan,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

“Dalam kes pertama pada 1 Oktober, seorang lelaki tempatan ditahan di KLIA Terminal 1 selepas disenarai hitam kerana tunggakan duit dan cukai yang membawa

kepada pemeriksaan terhadap bagasi hingga menemukan 21.04kg bunga ganja bernilai kira-kira RM2.06 juta.

“Suspek ini telah didakwa di mahkamah baru-baru ini,” jelasnya.

Zulkifli berkata, bagi kes kedua pada 27 September, rampasan dilakukan di pintu masuk eksport KLIA selepas pasukan penguat kuasa mengesan 21 bungkusan

dadah seberat 220.32kg bernilai RM21.59 juta dalam sebuah lori kurier yang dalam perjalanan memasuki Zon Bebas KLIA untuk dieksport ke sebuah negara Eropah.

Dalam kes ketiga pada 29 dan 30 September, bellau berkata, sebuah di dua gudang logistik di Shah Alam dan Subang Jaya berjaya menemukan 52 kotak bungkusan dadah daripada empat konsanan berbeza dengan berat keseluruhan 464.58kg dan nilai dianggarkan RM45.53 juta.

Zulkifli berkata, kes keempat pada 3 Oktober pula menyaksikan rampasan 294.35kg bunga ganja bernilai RM28.85 juta di pintu masuk eksport Zon Bebas KLIA, juga menggunakan lori kurier bagi membawa keluar 28 bungkusan dagangan ke luar negara.

Menurut bellau, bagi kes kedua hingga keempat, sindiket dipercayai menggunakan modus operandi dengan menyembunyikan dadah dalam kotak berlabel jenama tuaia premium yang dibungkus dengan plastik kedap udara bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

“Empat lelaki termasuk pemandu lori kurier serta pemilik gudang logistik ditahan bagi membantu siasatan dalam tiga kes berkenaan,” jelasnya. - *Bernama*